

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' WIRA HAJI MOHD. ANUAR BIN
MOHD. TAHIR (TEMERLOH)**

TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATO' WIRA HAJI MOHD. ANUAR BIN MOHD. TAHIR [TEMERLOH] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kejadian di tempat kerja sering berlaku serta melibatkan kemalangan jiwa pekerja-pekerja tempatan dan asing seperti dilaporkan oleh media. Kementerian memberi jaminan dan langkah yang telah ambil bagi menjamin kerja-kerja di tapak pembinaan selamat dan kondusif.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar kemalangan maut dalam industri pembinaan telah menurun mulai tahun 2017 iaitu daripada 14.57 orang bagi setiap 100,000 orang pekerja kepada 13.44 orang bagi setiap 100,000 pekerja pada tahun 2018. Manakala sejumlah 11.28 orang bagi setiap 100,000 orang pekerja pada tahun 2019 dan 6.9 orang bagi setiap 100,000 orang pekerja pada tahun 2020. Kemalangan yang berlaku di tapak bina adalah berpunca daripada pelbagai sebab, antaranya adalah kegagalan oleh perunding, kontraktor dan pekerja dalam melaksanakan tugas masing-masing.

Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah menyediakan garis panduan dan standard keselamatan pembinaan, serta melaksanakan penguatkuasaan pematuhan kepada perundangan, pendakwaan dan penalti yang berkaitan dalam memastikan keselamatan di tapak bina. Dalam masa yang sama, bagi mengurangkan insiden kemalangan di tapak bina, pelbagai latihan seperti ***Safety Induction Construction Worker (SICW)***, ***Site Safety Supervisor (SSS)***, ***Traffic Management Officer (TMO)*** juga diberikan kepada kontraktor-kontraktor pembinaan.

KKR dan agensinya CIDB juga menyediakan subsidi sehingga 50% untuk latihan ***Safety and Health Officer, Site Safety Supervisor dan Lifting Supervisor*** bagi memastikan pegawai keselamatan ini dapat membantu kontraktor dalam urusan keselamatan di tapak bina dengan memberi taklimat kepada pekerja sebelum sesuatu kerja atau aktiviti dapat dilaksanakan dengan selamat.

KKR dan agensinya CIDB juga telah membangunkan dokumen Standard Industri Pembinaan selepas kejadian kemalangan di Lebuhraya Sungai Besi-Ulu Kelang Elevated Expressway (SUKE), iaitu CIS 28:2021

berkaitan ***Public & Road User Safety - Construction Works Adjacent to And Above Roadways***. Standard ini adalah digunapakai oleh kontraktor untuk mengelakkan kemalangan yang disebabkan oleh aktiviti-aktiviti pembinaan bersebelahan atau di atas jalanraya sedia ada. Pembangunan Standard ini telah dilaksanakan bersama-sama dengan pemain industri (*stakeholders*). Antara organisasi yang terlibat semasa pembangunan standard tersebut adalah Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Lebuh Raya (LLM), *Institution of Engineers (IEM)*, *Department of Occupational Safety and Health (DOSH)* dan *Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS)*. Pihak kontraktor pula telah diwakili oleh *Master Builders Association Malaysia (MBAM)* manakala pihak jurutera perunding telah diwakili oleh *Association of Consulting Engineers Malaysia (ACEM)*. Standard CIS 28:2021 ini boleh dimuat turun daripada laman web CIDB.

Selain dari KKR, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) turut mengambil tindakan dan langkah yang berkaitan dengan mengadakan operasi penguatkuasaan secara berkala dan mengenakan tindakan punitif terhadap ketidakpatuhan di tapak pembinaan. Sebagai langkah penambahbaikan berterusan, JKKP juga telah menerbitkan dan menggalakkan pemakaian Garis Panduan Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Industri Pembinaan (OSHCIM) 2017 yang menitikberatkan tanggungjawab semua pihak dalam mengenalpasti dan mengawal risiko insiden.

KKR melalui CIDB akan terus bekerjasama dengan agensi penguatkuasa yang lain seperti pihak Pihak berkuasa Tempatan (PBT), DOSH, Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) dan sebagainya bagi memastikan kontraktor sentiasa mematuhi peraturan dan mengamalkan budaya kerja selamat.

Sekian, terima kasih.